

# KARNIVAL VARSITI

UniMAP sekali lagi mencatat sejarah apabila telah berjaya menjadi tuan rumah dan menganjurkan sebuah acara yang begitu besar melibatkan tiga buah Negara iaitu Karnival Varsiti IMT-GT ke 11. Acara berlangsung penuh meriah di sekitar Bandar Kangar bermula 27 Mac hingga 2 April 2009 dengan pelbagai aktiviti yang telah dianjurkan.



Menyingkap kembali sejarah penubuhan IMT-GT, ianya adalah sebuah perjanjian yang telah dimeterai pada tahun 1993 dan dianggotai oleh tiga buah Negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Thailand. Perjanjian murni antara tiga Negara ini bertujuan untuk memantapkan sektor ekonomi ketiga-tiga buah negara yang dianggap kurang mantap dengan memfokus kepada bahagian Utara Malaysia, Utara Indonesia dan juga Selatan Thailand.

Sebagai sokongan kepada perjanjian ini, maka universiti-universiti yang terdapat di bahagian-bahagian yang telah disebutkan dari ketiga-tiga buah Negara turut menyumbangkan dari segi penganjuran aktiviti seperti sukan, kebudayaan dan pertukaran pendapat melalui seminar. Karnival bermula pada tahun 1995 hanya dengan penganjuran pertandingan bola sepak yang diadakan di Universiti Utara Malaysia (UUM), ianya diteruskan setiap tahun dengan penambahan beberapa buah acara sukan dan seterusnya dimantapkan lagi dengan aktiviti kebudayaan dan seminar.

Boleh dikatakan hampir kesemua universiti yang menjadi anggota Karnival IMT-GT ini telahpun mengambil inisiatif untuk menganjurkan karnival ini di tempat masing-masing. Malah UniMAP sebagai anggota baru juga turut tidak mahu ketinggalan untuk menonjolkan kebolehan dan memperkenalkan negeri Perlis kepada semua yang terlibat.


Memetik ucapan Y. Bhg. Dato' Naib Canselor UniMAP, "Karnival ini telah berlangsung selama 14 tahun selepas diperkenalkan pada tahun 1995, dan saya melihat terdapatnya keperluan untuk mempopularkan karnival ini di peringkat lebih tinggi memandangkan selain acara sukan, karnival ini turut mengenangkan bakat pelajar dari aspek kebudayaan dan ilmiah melalui penganjuran seminar."

"Saya melihat Karnival Varsiti IMT-GT ini sebagai aktiviti seimbang yang mampu melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang dari aspek akademik tetapi juga potensi diri masing-masing melalui penglibatan dalam aktiviti sukan dan kebudayaan," katanya.

"Saya amat berharap, anda semua akan menggunakan peluang yang diberikan untuk menyertai karnival ini dengan sebaik mungkin serta mendapatkan sebanyak mungkin pengalaman dan pertukaran budaya antara Negara-negara yang terlibat," tambah Naib Canselor UniMAP lagi.

Selain merapatkan hubungan antara tiga Negara, karnival ini turut mampu merapatkan hubungan antara pelbagai kaum dari tiga Negara, juga adalah tidak mustahil, melalui penganjurannya mampu untuk melahirkan atlet bertaraf antarabangsa.

UniMAP dipilih sebagai tuan rumah Karnival Varsiti Kali - ke-11 ini dengan enam acara sukan yang dipertandingkan iaitu bola sepak, bola tampar, tenis, badminton, bola keranjang dan ping pong yang juga membabitkan 10 universiti dari Malaysia, Indonesia dan Thailand.



Selain UniMAP, turut mengambil bahagian ialah Universiti Utara Malaysia yang menghantar 140 penyertaan, Universiti Sains Malaysia (120), Universiti Teknologi MARA Arau (128), Universitas Sumatera Utara (120), Universiti Negeri Medan (71), Institut Teknologi Medan (44) dan Universitas Islam Muhammadiyah dengan 10 penyertaan. Turut menghantar penyertaan adalah universiti-universiti dari Thailand iaitu Prince of Songkhla University dengan 134 penyertaan dan Thaksin University dengan 110 penyertaan.

# **IMT-GT KE-11 MERIAH**


## **Sekitar Majlis Perasmian, Makan Malam dan Penutup**

Majlis perasmian Karnival Varsiti IMT-GT berlangsung meriah di Stadium Universiti Teknologi MARA Arau pada 28 April 2009 dengan pengenalan kepada lagu tema karnival 'Together We Unite' yang pertama kali dimainkan dan juga maskot karnival, 'Si Pintar' yang menampilkan watak seekor singa. Selain itu, perbarisan kontinen turut diadakan. Semua kontinen berbaris untuk membuat lintas hormat di hadapan tetamu kehormat karnival, Presiden Majlis Karnival Varsiti IMT-GT, Prof. Madya Padoongyot Duangmala dari Prince Of Songkhla University, Thailand, serta barisan-barisan tetamu kehormat yang lain.



Majlis Makan Malam yang diserikan dengan keberangkatan DYTM Canselor UniMAP pula berlangsung pada 29 Mac 2009 di Dewan 2020. Majlis ini menyaksikan pertunjukan kebudayaan yang kaya dengan adat resam dan kepelbagaiannya etnik dari ketiga-tiga buah Negara yang hadir. Semua tetamu yang hadir sungguh gembira kerana Malaysia adalah sebuah Negara yang amat menghormati adat resam dan budaya masyarakat dari negara-negara lain di Asia. Tarian poco-poco yang ditarikan peserta Indonesia juga sudah menjadi sebahagian dari aktiviti riadah di UniMAP. ☺

Majlis penutup berlangsung pada 1 April 2009. Majlis disempurnakan oleh Y.B. Exco Kerajaan Negeri Perlis, Tuan Ahmad Bakri Dato' Ali yang mewakili Y.A.B. Menteri Besar Perlis. Majlis diisi dengan keputusan-keputusan dan pengumuman-pengumuman yang mendebarkan. Penyampaian medal dilakukan kepada pasukan-pasukan yang telah menggondol pingat Emas, Perak dan Gangsa. Kutipan emas tertinggi didahului oleh Universiti Sains Malaysia dan Prince of Songkhla University, manakala dari segi kutipan pingat tertinggi pula dimonopoli oleh tiga buah universiti iaitu Universiti Teknologi MARA Arau, Universiti Sains Malaysia dan Thaksin University. UniMAP masih mampu tersenyum dengan menduduki tempat keempat bagi tiga acara iaitu Bola Keranjang, Ping-Pong (Lelaki) dan juga Badminton (Lelaki).



## **Penganjur 2010**

Malam Penutup juga menyaksikan acara pertukaran hadiah antara universiti yang bertanding yang merupakan acara tradisi setiap kali penganjuran karnival dijalankan. Upacara penyerahan bendera juga dilaksanakan pada malam tersebut menandakan berakhirnya karnival untuk tahun ini dan penyerahan disempurnakan oleh Y. Bhg. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor UniMAP kepada wakil penganjur berikutnya dari Thaksin University, Thailand.



Dengan penyerahan itu, maka Karnival Varsiti IMT-GT ke-11 melabuhkan tirainya. Semoga segala suka duka dan pahit manis akan menjadi pengalaman bermakna buat semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dan semoga berjumpa lagi di Karnival Varsiti IMT-GT ke-12 di Thaksin University, Thailand pada tahun 2010 nanti!!!

## **Lagu Tema Karnival Varsiti IMT-GT ke-11**

*"Together We Unite"*

*IMT-GT Growth Triangle  
Inter-Varsity Carnival  
We unite, we work together  
We, IMT-GT members*

*Unite, in sports we unite  
Unite, in seminars we unite  
Unite, in culture we unite  
Unite, together we unite*